

**WASA'IL ITHBAT DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM: ANALISIS
PERUNDANGAN TERHADAP KEABSAHAN DOKUMEN ELEKTRONIK DI MAHKAMAH
SYARIAH MALAYSIA**

*MEANS OF PROOF IN ISLAMIC LAW OF EVIDENCE: A LEGAL ANALYSIS OF THE
ADMISSIBILITY OF ELECTRONIC DOCUMENTS IN MALAYSIAN SYARIAH COURTS*

^{i,ii}Mohamad Aniq Aiman Alias, ^{i,iii,*}Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ^{i,ii,iii,iv}Ahmad Syukran Baharuddin
& ⁱMuzaffar Syah Mallow

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱInternational Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

^{iv}Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

*(Corresponding author) e-mail: wanfattah@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 15 April 2024

Received in revised form: 24 October 2024

Acceptance date: 4 November 2024

Available online: 31 December 2024

Keywords:

Electronic documents, evidence, wasa'il ithbat, Syariah court, Islamic law of evidence, validity

Funding:

Geran penyelidikan USIM yang bertajuk "Model E-Kitabah (Modernisasi Pendokumentasian Elektronik sebagai Keterangan) dalam Pembuktian ke Arah Penyelesaian Kes-Kes Jenayah Syarie di Malaysia", kod geran: PPPI/USIM/FSU/USIM/112823.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Mallow, M. S. (2024). *Wasa'il ithbat dalam undang-undang keterangan Islam: Analisis perundangan terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah Malaysia: Means of proof in Islamic law of evidence: A legal analysis of the admissibility of electronic documents in Malaysian Syariah courts. Malaysian Journal of Syariah and Law, 12(3), 689-700.*
<https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no3.792>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

In recent years, electronic documents have gained significant attention in legal proceedings, especially with the emergence of modern technology extensively utilized across various segments of society. Their convenient and rapid accessibility via electronic devices such as computers, smartphones, or tablets enables interested parties to obtain necessary information with ease. In Syariah courts, electronic documents serve as crucial evidence in either establishing an individual's guilt or exonerating the innocent. Nonetheless, questions arise regarding the admissibility of such evidence under Syariah law in Malaysia and its function in trial proceedings. Therefore, this article aims to clarify the position of electronic document evidence in Malaysian Islamic evidence law by examining the concept of electronic documents as *wasa'il ithbat*, the relevant Islamic legal justifications (holy Quran, hadith and *qawā'id fiqhiyyah*), and the statutory provisions applicable within the context of Islamic law of evidence in Malaysia. Several cases from Malaysian Syariah courts are analyzed to assess the validity of electronic evidence. The study further identifies challenges faced by Syariah legal practitioners and proposes measures to enhance the management of electronic evidence in the future. A qualitative method involving document analysis of both primary and secondary data was adopted to achieve the research objectives. Findings indicate that Malaysian Syariah courts do accept electronic documents as evidence in line with existing legal provisions and Islamic jurisprudence; however, issues concerning authenticity and reliability warrant closer attention. Accordingly, comprehensive guidelines, technological training for judges and court officers, and comparative studies with civil courts are recommended to reinforce the integrity and efficiency of electronic evidence management going forward.

ABSTRAK

Sejak akhir-akhir ini, dokumen dalam bentuk elektronik semakin mendapat perhatian dalam proses perundangan, khususnya dengan kemunculan teknologi moden yang digunakan secara meluas oleh setiap lapisan masyarakat. Aksesnya yang mudah dan pantas melalui peranti elektronik seperti komputer, telefon pintar, atau tablet memudahkan pihak berkaitan memperoleh maklumat yang diperlukan. Di Mahkamah Syariah, dokumen elektronik berperanan sebagai hujah penting sama ada untuk membuktikan kesalahan seseorang ataupun membebaskan individu yang tidak bersalah. Walau bagaimanapun, timbul persoalan mengenai penerimaan bentuk keterangan sebegini dalam undang-undang Syariah di Malaysia dan bagaimana ia berfungsi dalam prosiding perbicaraan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan kedudukan keterangan dokumen elektronik dalam undang-undang keterangan Islam di Malaysia dengan memahami konsep dokumen elektronik sebagai *wasa'il ithbat*, dalil pensyariatannya, serta peruntukan undang-undang yang berkaitan dalam konteks undang-undang keterangan Islam di Malaysia. Beberapa kes di Mahkamah Syariah Malaysia juga turut dianalisis untuk menilai keabsahan bukti secara elektronik. Kajian ini juga mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pengamal undang-undang Syariah dan seterusnya mencadangkan langkah penambahbaikan bagi memantapkan pengurusan keterangan elektronik pada masa akan datang. Pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap data primer dan sekunder digunakan bagi mencapai objektif kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan Mahkamah Syariah Malaysia menerima dokumen elektronik sebagai keterangan selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada dan dalil syarak, namun isu berkaitan ketulenan dan kebolehpercayaan memerlukan perhatian khusus. Justeru, garis panduan terperinci, latihan teknologi kepada hakim dan pegawai mahkamah, serta kajian perbandingan dengan mahkamah sivil dicadangkan bagi meningkatkan integriti dan kecekapan pengurusan keterangan elektronik pada masa akan datang.

Pendahuluan

Perkembangan pesat dalam bidang sains dan teknologi telah membawa perubahan besar dalam kehidupan seharian manusia. Tidak dapat disangkal bahawa kebanyakan aktiviti manusia sangat bergantung pada penggunaan teknologi, termasuk dokumen secara elektronik (Ahmadol Marzuki et al., 2020). Menurut Wan Ismail et al., (2021), dalam era yang serba canggih ini, semua dokumen yang mengandungi maklumat penting disimpan di dalam komputer dan peranti elektronik yang lain. Dengan adanya kemudahan teknologi sebegini, urusan harian manusia menjadi lebih pantas dan efisien (Alias et al., 2024). Ini disebabkan oleh kemudahan yang disediakan oleh perkhidmatan secara elektronik, seperti pembayaran bil dan pemindahan wang yang dapat dilakukan dengan lebih mudah dan cepat (Yahya et al., 2020).

Secara umumnya, dokumen elektronik ditakrifkan sebagai rakaman bunyi, kaset, cakera padat (CD), dan lain-lain media elektronik (Al-Humaydi, 1989). Sebarang kandungan dalam bentuk elektronik juga adalah tergolong dalam kategori dokumen elektronik selagi maknanya dapat difahami apabila dibaca (Mokhtar et al., 2024). Menurut Ani Munirah (2019), dokumen boleh diterima sebagai keterangan dalam bentuk elektronik, termasuk yang dihasilkan melalui komputer, mesin, atau sebarang peralatan elektronik lain. Namun demikian, penggunaan keterangan berasaskan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah dilihat masih kurang meluas berbanding kaedah pembuktian konvensional yang lain. Selain itu, isu keabsahannya sebagai kaedah pembuktian turut diperdebatkan dalam kalangan ulama mazhab seperti Hanafi, Maliki, dan sebahagian Syafi'i dan Hanbali (Ibnu Qudamah, 1996; Ibnu Farhun, 1995). Namun, menurut Ibnu Taimiyyah (1995) dan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (2007), sebarang perkara yang mampu menjelaskan serta membuktikan kebenaran dianggap boleh diterima sebagai bukti. Di samping itu, timbul persoalan mengenai penerimaan bentuk keterangan sebegini dalam undang-undang Syariah di Malaysia dan bagaimana ia berfungsi dalam prosiding perbicaraan.

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk memperjelaskan kedudukan keterangan dokumen elektronik dalam undang-undang keterangan Islam di Malaysia. Kajian ini akan terlebih dahulu memperincikan konsep dokumen elektronik sebagai *wasa'il ithbat* atau kaedah pembuktian menurut perundangan Islam. Seterusnya, penyelidik akan membincangkan dalil pensyariatan dokumen elektronik sebagai keterangan serta peruntukan undang-undang yang berkaitan dalam konteks undang-undang keterangan Islam di Malaysia. Selain itu, beberapa kes di Mahkamah Syariah Malaysia turut dianalisis untuk menilai keabsahannya sebagai keterangan. Di akhir penulisan ini, penyelidik turut mengenal pasti beberapa

cabaran yang dihadapi oleh pengamal undang-undang Syariah dalam mengendalikan keterangan elektronik, serta mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan pengurusan keterangan elektronik dalam sistem perundangan pada masa akan datang.

Konsep Dokumen Elektronik sebagai *Wasa'il Ithbat* menurut Perundangan Islam

Dalam konteks undang-undang Syariah, tiada peruntukan khusus yang secara langsung mentakrifkan konsep dokumen elektronik. Sebaliknya, dokumen elektronik dianggap termasuk dalam definisi umum dokumen. Berdasarkan Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], dokumen ditakrifkan sebagai sebarang perkara yang dinyatakan, diperihalkan, atau digambarkan melalui apa jua bentuk, bahan, atau medium, termasuk kandungan yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi, atau mana-mana peranti lain. Sementara itu, Seksyen 15 Akta Tandatangani Elektronik Mesir 2004 mentakrifkan dokumen elektronik sebagai huruf, nombor, simbol, atau tanda lain yang dipaparkan dalam bentuk elektronik atau digital, atau melalui kaedah lain yang memberikan isyarat yang jelas dan mudah difahami.

Berdasarkan Seksyen 3 tersebut, dokumen elektronik adalah termasuk dalam takrifan dokumen secara umum. Penyelidik juga mendapati beberapa definisi mengenai dokumen elektronik yang telah diberikan oleh cendekiawan lepas. Sebagai contoh, Al-Ḥumaydī dan Ibrahim (1989) menyatakan bahawa dokumen elektronik merangkumi rakaman bunyi, kaset, cakera padat dan sebarang kandungan yang dipaparkan secara elektronik, selagi maknanya difahami apabila dibaca. Tambahan pula, Ani Munirah (2019) mendefinisikan dokumen elektronik sebagai keterangan dalam bentuk elektronik seperti komputer, mesin, dan lain-lain yang dikeluarkan secara elektronik.


Menurut Mursilalaili Mustapa (2020) dan Paul (2010), dokumen elektronik boleh diterima sebagai keterangan apabila ia mampu memberikan penjelasan yang jelas dan sahih. Sekiranya dokumen elektronik telah disediakan, diakui, dan digunakan di mahkamah, ia boleh menentukan sama ada defendan bersalah atau tidak. Keterangan tersebut dapat melindungi hak individu yang tidak bersalah serta menghukum yang bersalah. Fungsi dan keunikan dokumen elektronik ialah penggunaannya sebagai bukti utama dalam penyiasatan, siasatan, dan pendakwaan (Volonino, 2013). Ismail (2006) menyatakan bahawa dokumen elektronik mempunyai relevansi dan kredibiliti sebagai bukti dalam pelbagai kerangka undang-undang negara. Kemajuan teknologi moden membuka ruang bagi penerimaan dokumen elektronik, selagi ia tulen dan bebas daripada unsur pemalsuan (Anwarullah, 2010).

Berdasarkan perbincangan di atas, dokumen elektronik memainkan peranan penting dalam sistem perundangan Islam di Malaysia. Keupayaannya dalam merekod dan menyimpan maklumat dengan tepat serta kebolehaksesannya menjadikan ia alat bukti yang sah dan relevan dalam prosiding mahkamah. Meskipun tiada definisi khusus mengenai dokumen elektronik dalam undang-undang Syariah, pelbagai tafsiran yang diberikan oleh cendekiawan dan peruntukan undang-undang menunjukkan penerimaan dan penggunaannya yang meluas, dengan syarat ketulenan dokumen tersebut diakui dan bebas daripada unsur pemalsuan.

Dalil Pensyariatan Dokumen Elektronik sebagai Keterangan

Dari segi dalil pensyariatan, tiada dalil khusus yang secara terperinci membicarakan mengenai penerimaan dokumen elektronik sebagai keterangan dalam perundangan Islam. Namun demikian, seperti yang dihuraikan sebelum ini, penerimaan bentuk pembuktian ini adalah berasaskan kepada prinsip penerimaan umum keterangan secara dokumentar. Kaedah ini dibenarkan dalam Islam selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip syarak. Tambahan pula, menurut Yahya et al., (2024), keperluan menerima pembuktian dokumen secara elektronik di mahkamah semakin mendesak berikutan kemajuan teknologi yang membawa kepada kemunculan pelbagai variasi dokumen baharu.

Justeru, bahagian ini akan menjelaskan dalil-dalil yang mengiktiraf dokumen elektronik sebagai keterangan berdasarkan prinsip umum penerimaan dokumen sebagai keterangan. Perbincangan akan merangkumi sumber-sumber daripada al-Quran, hadis, dan kaedah-kaedah fiqh (*qawā'id fiqhiyyah*). Rajah 1 memaparkan perspektif perundangan Islam mengenai penerimaan keterangan dokumen elektronik bersandarkan dalil-dalil umum tersebut.



Rajah 1. Sumber Perundangan Islam yang mengiktiraf dokumen elektronik sebagai keterangan

Pertama, berdasarkan firman Allah S.W.T:

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu”.

(Surah Al-Baqarah, 2:282)

Berdasarkan ayat ini, Ibn al-'Arabi (1967) menafsirkan perkataan *faktubuh* sebagai penekanan daripada Allah S.W.T untuk merekodkan sebarang bentuk transaksi perniagaan, hutang, atau seumpamanya dengan menggunakan dokumen. Menurut Ibn Kathir (2003), Allah S.W.T memerintahkan agar hutang dicatat dalam dokumen supaya ia dapat dijadikan bukti mengenai jumlah dan tempoh transaksi yang berlaku. Ayat ini menunjukkan bahawa Allah S.W.T memerintahkan manusia untuk merekodkan hutang melalui dokumentasi untuk dijadikan sebagai bukti dalam transaksi tersebut. Secara tidak langsung, ayat ini menggambarkan bahawa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal mahupun elektronik, diterima sebagai kaedah pembuktian untuk dijadikan keterangan dalam urusan berkaitan hutang dan lain-lain. Selain itu, terdapat hadis yang menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf dokumen elektronik sebagai keterangan. Rasulullah S.A.W bersabda:

Terjemahan: “Tidak sepatutnya bagi seorang Muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan, tinggal dua malam tanpa wasiatnya ditulis di sisinya”.

(Musnad Imam Ahmad, 2001, Hadis 5197)

Hadis ini menekankan pentingnya mendokumentasikan wasiat. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2007) menyatakan: “Mengapa Nabi S.A.W meminta seseorang untuk mencatat wasiatnya jika dokumen itu tidak diterima sebagai bukti?”. Pandangan ini turut disokong oleh Ibn Hajar (1996), yang menekankan bahawa maklumat penting perlu direkodkan agar dapat menjadi panduan dan rujukan pada masa hadapan. Ini kerana mencatat adalah cara terbaik bagi memastikan maklumat tersebut disimpan dengan baik (Wan Ismail, 2020). Dalam konteks semasa, dokumen elektronik boleh berfungsi sebagai medium untuk mencatat wasiat tersebut.

Selain itu, kaedah fiqh menyebut *al-kitab ka al-khitab* yang bermaksud “dokumen sama seperti ucapan”, merujuk kepada konsep bahawa dokumen bertulis mempunyai kekuatan yang sama dengan kata-kata yang diucapkan secara lisan. Ini bermakna, apa yang terdapat dalam dokumen bertulis dianggap sama nilainya dengan apa yang diucapkan secara lisan. Dalam konteks pembuktian, kaedah ini mengandungi beberapa implikasi penting, iaitu:

- i. Kaedah ini menunjukkan bahawa dokumen bertulis boleh dianggap sebagai bukti yang sah dan meyakinkan dalam menunjukkan niat dan kehendak seseorang. Sebagai contoh, dalam transaksi perniagaan, kontrak bertulis dianggap sebagai bukti yang sah mengenai persetujuan kedua-dua pihak (Mokhtar et al., 2020).
- ii. Kaedah ini juga menekankan kepentingan pembuktian bertulis dalam proses undang-undang (Saifuddin et al., 2019). Dokumen bertulis membolehkan pihak yang terlibat dalam perselisihan memperjelaskan niat, hak, dan tanggungjawab mereka secara tepat dan jelas, sekali gus mengurangkan kekeliruan dan perselisihan akibat interpretasi berbeza mengenai kata-kata lisan.

Oleh itu, prinsip *al-kitab ka al-khitab* menegaskan kepentingan dan keabsahan dokumen bertulis sebagai alat bukti penting dalam sistem perundangan Islam. Dalam era digital, prinsip ini boleh diperluas untuk merangkumi dokumen elektronik yang berfungsi sebagai bukti bertulis. Ini memberikan kepastian kepada pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi dan perjanjian bahawa kehendak dan niat mereka diakui dengan jelas dan sah.

Berdasarkan dalil-dalil di atas, dokumen elektronik adalah diterima sebagai keterangan berdasarkan penerimaan umum dokumen menurut prinsip syariah. Islam sebagai agama yang relevan sepanjang zaman membolehkan pelbagai undang-undang baharu diperkenalkan mengikut keperluan dan cabaran semasa, dengan syarat undang-undang tersebut selaras dengan prinsip-prinsip syariah dan tidak berkonflik dengan hukum Islam. Ibn al-Qayyim Al-Jawziyyah (2007) menegaskan bahawa istilah “keterangan” merujuk kepada penjelasan atau penerangan mengenai hak atau kepentingan, menunjukkan konsep yang luas dan menyeluruh. Ini merangkumi segala bentuk keterangan yang dapat memberikan penjelasan atau bukti mengenai status atau situasi hak dan kepentingan, yang boleh dipertimbangkan oleh hakim atau mahkamah untuk menegakkan keadilan. Penggunaan dokumen elektronik boleh menjadi sebahagian daripada bukti yang digunakan (A. Othman, 2003), dan peranannya di mahkamah adalah untuk menyangkal atau menetapkan suatu kes yang dibicarakan (Yahya & Mohd Shariff, 2021). Oleh itu, bukti melalui dokumen elektronik juga adalah boleh diterima di mahkamah keadilan.

Peruntukan Undang-Undang berkaitan Dokumen Elektronik dalam Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia

Dalam bahagian ini, penyelidik telah melakukan analisis perundangan mengenai penerimaan dokumen elektronik sebagai bukti dengan merujuk kepada Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561). Hasil penemuan diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1. Analisis Perundangan mengenai Penerimaan Dokumen Elektronik sebagai Keterangan (Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 - Akta 561)

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]		
No.	Seksyen	Penerangan
1.	Seksyen 3	<ol style="list-style-type: none"> i. Seksyen 3 telah memperjelaskan definisi umum dokumen. Hasil penelitan tersebut, penyelidik mendapati bahawa, dokumen elektronik adalah termasuk dalam takrifan dokumen secara umum di bawah seksyen ini. ii. Ini menunjukkan bahawa dokumen elektronik boleh diterima pakai sebagai keterangan di Mahkamah Syariah.
2.	Seksyen 33	<ol style="list-style-type: none"> i. Kes-kes yang melibatkan penggunaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah hendaklah disertakan dengan pendapat pakar bagi mengekalkan kredibiliti dan kesahihan bukti.
3.	Seksyen 49	<ol style="list-style-type: none"> i. Berdasarkan kepada seksyen ini, dokumen elektronik termasuk dalam kategori sumber primer.

Berdasarkan Jadual 1, Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) memberikan definisi terperinci mengenai dokumen, dan penyelidik mendapati bahawa dokumen elektronik termasuk dalam takrifan dokumen secara umum.

Seksyen 3. Takrifan.

“Dokumen” ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan-

- (a) huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain;
- (b) apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak);
- (c) apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data yang lain;
- (d) suatu rakaman, atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c).

Berdasarkan Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], definisi “dokumen” turut meliputi elemen elektronik. Oleh itu, dokumen elektronik diiktiraf sebagai bahan bukti yang sah di Mahkamah Syariah Malaysia berdasarkan peruntukan ini. Wan Ismail (2020) menegaskan bahawa takrifan “dokumen” dalam peruntukan tersebut adalah luas, melangkaui dokumen bertulis tangan semata-mata. Selanjutnya, Marqus (1981) berpendapat bahawa skop dokumen perlu ditafsirkan secara menyeluruh, dengan memberi tumpuan kepada fungsinya sebagai alat penyampaian maklumat, tanpa terikat pada bentuk fizikal atau medium yang digunakan. Dalam konteks ini, aspek utama yang perlu diberi perhatian ialah kejelasan dan kefahaman maklumat yang disampaikan, termasuk dalam format elektronik.

Tambahan lagi, definisi “dokumen” dalam Seksyen 3 diperkuat oleh peruntukan Seksyen 49 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], yang mengiktiraf komputer sebagai sumber bukti utama (*primary evidence*). Peruntukan tersebut secara tidak langsung menegaskan pengakuan Mahkamah Syariah terhadap kaedah pembuktian berasaskan dokumen elektronik. Dengan pengiktirafan ini, dokumen elektronik yang disimpan atau dihasilkan melalui komputer dianggap sah dan boleh digunakan dalam proses perundangan sebagai bukti yang kukuh.

Menurut Jamal (2011), dokumen elektronik turut memerlukan sokongan pendapat pakar bagi memastikan kebolehpercayaan keterangan yang dikemukakan. Keperluan ini selaras dengan Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], yang memperuntukkan bahawa dokumen elektronik perlu disokong oleh bukti tambahan, termasuk keterangan pakar. Pendapat pakar penting bagi menjamin kebolehpercayaan bukti tersebut dan mengesahkan ketulenan dokumen elektronik.

Hal ini dapat dilihat dalam kes *Ajmawati Atan lwn Moriazi Mohamad* (2005) 1 CLJ (SYA) 54, di mana keterangan elektronik yang tidak jelas menyebabkan kes diperintahkan untuk dibicarakan semula dengan penyerahan saksi-saksi sokongan. Keterangan berkenaan akhirnya boleh diterima di mahkamah apabila disokong oleh keterangan pakar, yang membantu menilai kredibiliti dokumen tersebut (Zulhendra et al., 2023; Yahya & Mohd Shariff, 2017).

Secara keseluruhannya, walaupun tiada peruntukan khusus dalam undang-undang keterangan Islam berhubung penerimaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah, Seksyen 3, Seksyen 49, dan Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] secara tidak langsung mengiktiraf kebolehterimaan dokumen elektronik sebagai keterangan di Mahkamah Syariah Malaysia.

Analisis Keabsahan Dokumen Elektronik sebagai Keterangan di Mahkamah Syariah Malaysia

Berdasarkan perbincangan terdahulu, dokumen elektronik boleh diterima sebagai kaedah pembuktian dalam prosiding Mahkamah Syariah kerana memiliki kekuatan yang signifikan dalam menafikan atau menyokong dakwaan pihak-pihak terlibat. Dalam bahagian ini, penyelidik akan menjalankan kajian kes mengenai keabsahan dokumen elektronik sebagai keterangan di Mahkamah Syariah Malaysia. Kajian ini merangkumi beberapa kes seperti *Pendakwa Syarie lwn Zulkifli bin Othman* (2013) 4 SHLR 92, *Pendakwa Syarie lwn A Mohad A/L Sahab Bin Husin* (2013) 3 SHLR 33, *SM Faisal SM Nasimuddin lwn Maria Chin Abdullah* (2023) 7 MLJ 485 dan *Siti Fatimah bte Abd Karim lwn Majlis Agama Islam Melaka* (2007) 2 SHLR 136.

Pertama, dalam kes *Pendakwa Syarie lwn Zulkifli bin Othman* (2013) 4 SHLR 92, tertuduh didakwa atas kesalahan berkhawat di bawah Seksyen 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997. Pegawai penguat kuasa telah merakam 11 keping gambar yang menunjukkan keadaan mencurigakan, termasuk individu terlibat dan situasi bilik hotel. Dalam kes ini, Mahkamah telah menerima gambar tersebut sebagai bukti sah, bersama dokumen lain seperti pelan lakar dan tuala putih. Antara penghujahan penghakiman yang diberikan dalam kes ini iaitu:

“Saksi-saksi pendakwa yang hadir dalam operasi melihat sendiri perbuatan OKT berduaduaan dalam bilik hotel dengan wanita asing... Pembuktian lain yang dikemukakan oleh pendakwa syarie adalah dokumen bersifat primer iaitu peta lakar dan gambar-gambar serta bahan-bahan bukti yang lain seperti tuala putih”.

Mahkamah mendapati bahawa elemen *actus reus* dan *mens rea* telah dibuktikan, di mana kehadiran tertuduh bersama wanita bukan mahram dalam keadaan mencurigakan menimbulkan syak terhadap kemungkinan perlakuan tidak bermoral. Keputusan ini menonjolkan nilai probatif bukti elektronik seperti fotografi dalam menyokong pendakwaan di Mahkamah Syariah.

Selain itu, dalam kes *Pendakwa Syarie lwn A Mohad A/L Sahab Bin Husin* (2013) 3 SHLR 33 pula melibatkan tuduhan berada di premis perjudian di bawah Seksyen 18 Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997. Gambar digital yang menunjukkan kehadiran tertuduh di lokasi kejadian telah digunakan sebagai bukti utama, yang diiktiraf di bawah Seksyen 48 dan 49 Akta Keterangan Mahkamah Syariah 1997 [Akta 561]. Dalam kes ini, Mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwa berjaya membuktikan elemen *actus reus* dan *mens rea* berdasarkan gambar tersebut, sekali gus menekankan pentingnya kebolehpercayaan bukti elektronik dalam kes jenayah Syariah.

Seterusnya, dalam kes *SM Faisal SM Nasimuddin lwn Maria Chin Abdullah* (2023) 7 MLJ 485, Mahkamah Syariah meneliti permohonan pemohon untuk mengeluarkan Notis Menunjukkan Sebab (NMS) terhadap responden atas tuduhan menghina mahkamah. Tuduhan ini berkaitan kenyataan responden dalam artikel bertajuk "*05 Sep Injustice Against Muslim Women Still Exist in The Legal System*", yang disiarkan dalam talian, mengkritik keputusan mahkamah yang menjatuhkan hukuman penjara tujuh hari terhadap Emilia Hanafi atas penghinaan mahkamah. Mahkamah memutuskan bahawa artikel tersebut, yang disokong oleh keterangan dokumen elektronik, bersifat menghina dan merendahkan martabat Mahkamah Syariah, sekali gus menjejaskan kepercayaan awam terhadap institusi kehakiman tersebut. Hakim menyatakan bahawa kenyataan responden bersifat skandal, berniat jahat, dan tidak memenuhi piawaian komen yang adil. Walaupun responden mendakwa kenyataannya bertujuan meningkatkan kesedaran, mahkamah menolak hujah tersebut dan mendapati responden bersalah menghina mahkamah, menjatuhkan hukuman penjara tujuh hari. Kes ini menunjukkan bagaimana dokumen elektronik seperti artikel dalam talian boleh menjadi asas penting dalam membuktikan kes penghinaan mahkamah di Mahkamah Syariah.

Akhir sekali, dalam kes *Siti Fatimah bte Abd Karim lwn Majlis Agama Islam Melaka* (2007) 2 SHLR 136 telah melibatkan permohonan murtad oleh pemohon yang mendakwa dirinya telah mengamalkan agama Hindu selepas berkahwin dengan seorang lelaki Hindu. Mahkamah menolak permohonan tersebut berdasarkan keterangan saksi dan bukti visual, termasuk gambar yang menunjukkan pemohon pernah menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim. Mahkamah memutuskan bahawa perkahwinan pemohon dengan lelaki Hindu itu tidak sah dan pemohon dianggap telah melakukan zina mengikut hukum syara'.

Walaupun begitu, hakim tidak menjatuhkan hukuman jenayah tetapi menekankan pentingnya bimbingan akidah. Oleh itu, pemohon diperintahkan menjalani 100 hari di Pusat Bimbingan Aqidah, Ulu Yam, di bawah seliaan Majlis Agama Islam Melaka, dengan kebenaran membawa anaknya tetapi terhad untuk berjumpa ibu bapanya sahaja. Kes ini menunjukkan juga bahawa penggunaan bukti visual seperti gambar membantu mahkamah membina keyakinan terhadap status keagamaan pemohon, sekali gus memperkukuhkan keputusan yang dibuat.

Berdasarkan kepada analisis kes di atas menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah Malaysia menerima dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian sekiranya prosedur pengesahan dan rantai jagaan dipenuhi. Dalam kes *Pendakwa Syarie lwn Zulkifli bin Othman* (2013) 4 SHLR 92, gambar digital digunakan untuk menyokong tuduhan khalwat, manakala kes *Pendakwa Syarie lwn A Mohad A/L Sahab Bin Husin* (2013) 3 SHLR 33 memperlihatkan penerimaan foto digital sebagai keterangan primer dalam membuktikan kehadiran tertuduh di premis perjudian. Begitu juga, kes *SM Faisal SM Nasimuddin lwn Maria Chin Abdullah* (2023) 7 MLJ 485 menunjukkan bahawa dokumen elektronik berupa artikel dalam talian diterima sebagai keterangan penting dalam membuktikan penghinaan mahkamah. Sementara itu, kes *Siti Fatimah bte Abd Karim lwn Majlis Agama Islam Melaka* (2007) 2 SHLR 136 menekankan penggunaan gambar sebagai bukti identiti keagamaan. Walaupun kes-kes ini menonjolkan nilai probatif dokumen elektronik, ia juga menggariskan keperluan pelaksanaan prosedur dan garis panduan yang lebih terperinci, khususnya mengenai autentikasi, rantai jagaan (*chain of custody*), dan kebolehpercayaan (*reliability*) sesuatu bukti digital. Dalam beberapa keadaan, seperti dapat dilihat dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Attan* (2005) 4 SHLR 108, pihak mahkamah mengenakan piawaian ketat untuk memastikan tahap kebolehpercayaan dokumen elektronik memenuhi kehendak perundangan Syariah.

Isu dan Cabaran dalam Pengemukaan Dokumen Elektronik sebagai Keterangan di Mahkamah Syariah Malaysia

Pengendalian keterangan elektronik di Mahkamah Syariah menimbulkan pelbagai isu dan cabaran yang memerlukan perhatian khusus. Rajah 2 di bawah memperincikan beberapa isu dan cabaran utama dalam pengemukaan dokumen elektronik sebagai keterangan di Mahkamah Syariah Malaysia.

Rajah 2. Isu dan cabaran utama dalam pengemukaan dokumen elektronik sebagai keterangan di Mahkamah Syariah Malaysia



Salah satu cabaran utama dalam pengemukaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah ialah penentuan ketulenan dan kebolehpercayaan dokumen tersebut. Dokumen elektronik, seperti e-mel dan fail digital, mudah dipalsukan atau diubah suai tanpa meninggalkan jejak yang jelas (Alias, 2022; Abdul Rahim & Abdul Manap, 2016). Pengesahan ketulenan dokumen sedemikian memerlukan kemahiran teknikal dan pengetahuan mendalam dalam bidang forensik digital. Walau bagaimanapun, masih terdapat pengamal undang-undang yang tidak mempunyai latar belakang teknologi mencukupi untuk menilai dan menerima keterangan elektronik menurut prinsip Syariah. Kekurangan ini boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk menjamin keadilan dan ketelusan dalam proses perundangan.

Selain itu, ketiadaan garis panduan dan peraturan yang jelas menimbulkan kekeliruan dalam prosiding. Tanpa peruntukan undang-undang khusus mengenai penerimaan dan penilaian dokumen elektronik, mahkamah menghadapi kesukaran menentukan sama ada keterangan elektronik boleh diterima sebagai bukti yang sah (Stoykova, 2021). Kekeliruan ini kerap menyebabkan kelewatan dalam proses perundangan apabila mahkamah terpaksa menengguhkan atau menolak bukti sekiranya keterangan tidak dapat disahkan (Thong, 2022). Situasi sedemikian bukan sahaja menjejaskan kecekapan sistem perundangan, tetapi juga boleh menimbulkan ketidakpuasan dalam kalangan pihak yang terlibat.

Di samping itu, risiko keselamatan data dan ancaman siber merupakan cabaran ketara dalam pengurusan keterangan elektronik (Walia & Kumar, 2021). Ancaman seperti penggodaman, kerosakan data, atau kebocoran maklumat boleh menjejaskan integriti dokumen elektronik. Kejadian sedemikian menimbulkan persoalan tentang kredibiliti bukti, sekali gus berpotensi mempengaruhi keputusan perbicaraan. Dalam konteks undang-undang Syariah yang menjadikan integriti dan keadilan sebagai teras utama, isu keselamatan data perlu ditangani dengan serius bagi memastikan keterangan elektronik diterima tanpa keraguan.

Tambahan pula, kekurangan kemahiran teknologi dalam kalangan pengamal undang-undang dan pegawai mahkamah menimbulkan cabaran dari segi penilaian keterangan elektronik secara kritikal (Hashim et al., 2024). Tanpa pengetahuan yang mencukupi tentang aspek teknikal seperti metadata, jejak digital, dan kaedah pengesahan ketulenan, mereka mungkin sukar memahami serta menilai bukti elektronik dengan tepat. Kekurangan ini bukan sahaja menghalang proses perundangan, malah boleh menjejaskan keadilan keputusan yang dibuat.

Cadangan Penambahbaikan

Bagi mengatasi pelbagai cabaran yang telah dibincangkan, beberapa cadangan penambahbaikan dicadangkan untuk memperkukuh pengurusan keterangan elektronik di Mahkamah Syariah Malaysia. Pertama, penggubalan rangka kerja perundangan yang jelas berkenaan penerimaan dan penilaian dokumen elektronik amat diperlukan. Rangka kerja ini seharusnya menetapkan prosedur terperinci bagi memastikan kesahihan serta ketulenan dokumen elektronik yang dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah. Antaranya termasuklah penetapan piawaian teknikal berhubung cara dokumen elektronik disimpan, diproses, dan disahkan sebelum dibawa ke perbicaraan. Dengan adanya peraturan yang tersusun, kekeliruan dalam proses mahkamah dapat diminimumkan, dan konsistensi dalam penerimaan keterangan elektronik dapat dicapai.

Kedua, program latihan teknologi yang komprehensif perlu disediakan untuk para hakim, peguam, serta pegawai mahkamah. Latihan ini akan memperlengkap mereka dengan pengetahuan asas teknologi digital dan forensik yang diperlukan untuk memahami dan menilai dokumen elektronik secara kritikal. Menerusi latihan sedemikian, mereka akan lebih berkemahiran dalam mengendalikan bukti digital dan mengesan sebarang penipuan atau pengubahsuaian dokumen elektronik. Seterusnya, penglibatan pakar teknologi juga perlu diperkasa. Pakar teknologi berperanan membantu dalam pengesahan dokumen elektronik bagi memastikan bukti yang dikemukakan adalah sahih dan tidak diubah suai. Penubuhan badan pakar bebas yang bertugas untuk mengaudit dokumen elektronik yang dikemukakan turut dicadangkan bagi meningkatkan integriti dan kredibiliti proses perundangan.

Akhir sekali, penyelidikan perbandingan antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil Malaysia dalam menguruskan dokumen elektronik wajar dilaksanakan (Rafie & Ismail, 2018). Mahkamah Sivil mungkin lebih berpengalaman dalam menangani keterangan elektronik, khususnya dalam kes-kes berkaitan undang-undang komersial dan perniagaan. Penyelidikan ini berpotensi menawarkan panduan berharga kepada Mahkamah Syariah dalam memperkasakan prosedur mereka berkaitan pengurusan dokumen elektronik di masa hadapan. Melalui perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik ini, Mahkamah Syariah dapat meningkatkan kecekapan serta menjamin keadilan dalam prosiding yang melibatkan keterangan elektronik.

Secara keseluruhannya, pengendalian keterangan elektronik di Mahkamah Syariah Malaysia memerlukan pendekatan proaktif dan menyeluruh bagi menghadapi cabaran era moden. Pelaksanaan cadangan-cadangan seperti penggubalan rangka kerja perundangan, penyediaan latihan teknologi, penglibatan pakar teknologi, dan penyelidikan perbandingan dengan Mahkamah Sivil akan memperkukuh keupayaan

pengamal undang-undang Syariah dalam menguruskan keterangan elektronik. Langkah-langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan proses perundangan, bahkan menjamin keadilan dan integriti sistem perundangan Syariah di Malaysia dalam menghadapi kemajuan teknologi yang semakin pesat.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa dokumen elektronik telah diterima sebagai keterangan di Mahkamah Syariah Malaysia, seiring dengan konsep penerimaan dokumen secara umum dalam perundangan Islam. Penerimaan ini diperkukuh menerusi peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561), yang mendefinisikan “dokumen” secara meluas, termasuk dokumen elektronik. Selain itu, dalil daripada al-Quran, hadis, dan qawaid fihiyyah turut menyokong penggunaan dokumen elektronik sebagai alat bukti sah dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah.

Berdasarkan analisis undang-undang, Seksyen 3, Seksyen 33, dan Seksyen 49 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Akta 561) secara tidak langsung mengiktiraf dokumen elektronik sebagai sumber bukti yang boleh diterima, dengan syarat dipenuhi aspek ketulenan serta kebolehpercayaan. Kajian kes yang telah dibincangkan memperlihatkan bahawa Mahkamah Syariah Malaysia menerima keterangan dalam pelbagai bentuk dokumen elektronik, seperti kes fasakh, perceraian melalui SMS, dan dakwaan nusyuz yang menggunakan gambar serta SMS sebagai bukti. Namun, masih wujud persoalan berhubung kesahihan dokumen elektronik, khususnya apabila timbul keraguan terhadap ketulenan bukti yang dikemukakan. Seperti yang diputuskan dalam kes *Ajmawati Atan lwn Moriazi Mohamad* (2005) 1 CLJ (SYA) 54, bukti elektronik boleh diketepikan jika wujud keraguan mengenai kesahihan atau integriti dokumen berkenaan.

Oleh itu, kajian ini menekankan keperluan untuk menambah baik pengurusan keterangan elektronik di Mahkamah Syariah. Antara cadangan yang diutarakan adalah: (i) pembentukan garis panduan yang lebih jelas serta terperinci bagi menjamin kesahihan dan kebolehpercayaan dokumen elektronik, (ii) penyediaan latihan komprehensif kepada hakim dan pegawai mahkamah mengenai teknologi digital serta pengurusan dokumen elektronik, dan (iii) pelaksanaan kajian perbandingan bagi meneliti kaedah pengendalian keterangan elektronik di mahkamah sivil Malaysia. Diharapkan langkah-langkah ini dapat meningkatkan integriti dan kecekapan proses perundangan di Mahkamah Syariah Malaysia, khususnya dalam menangani cabaran berkaitan keterangan elektronik pada masa hadapan.

Rujukan

- Abdul Rahim, A., & Abdul Manap, N. (2016). *Jenayah berkaitan dengan komputer: Perspektif undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmadol Marzuki, N. A., Tahir, Z., & Mohamad Nasri, N. (2020). Penguasaan kemahiran teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) terhadap kecekapan kerja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 140-157.
- Ajmawati Atan lwn Moriazi Mohamad* (2005) 1 CLJ (SYA) 54.
- Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561].
- Akta Tandatangan Elektronik Mesir 2004.
- Al-Humaidi., & Ibrahim, A. A. (1989). *Al-Qada' wa nizamuhu fi al-kitab wa al-sunah*. Makkah: Maahad al-Buhuthal-'Ilmiyyah.
- Al-Humaydi. (1989). *Al-Qada' wa nizamuhu fi al-kitab wa al-sunnah*. Makkah: Maahad al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- Alias, M. (2023). Forensic science and its application in documentary evidence in Malaysian Syariah courts. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 36(1), 107-120.
- Alias, M. A. A. (2022). *The falsification of documents in marriage cases under the civil and Syariah courts in Malaysia: An appraisal analysis*. (Disertasi Sarjana). Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Alias, M. A. A., Mohd Jailani, M. R., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2024). The integration of five main goals of shariah in the production of science and technology for human well-being.

- AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 5(1), 1–16. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v5i1.79>
- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Abdul Mutalib, L. (2021). Legal analysis of Syariah court evidence law on digital document as evidence and its admissibility in court proceedings. *Journal of Management and Muamalah*, 11(2), 54 - 64.
- Anwarullah. (2010). *Principles of evidence in Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Hashim, H., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Alias, M. A. A., N. Z., & Mohammed Hasan, B. M. (2024). Isu serta cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP) subjek Undang-Undang Jenayah Islam di era teknologi digital. In *Proceeding of the Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (iSUFi)*, (pp. 22-27). Penerbit USIM.
- Ibn al-Arabi. (1967). *Ahkam al-quran*. Isa al-Babi al-Halabi.
- Ibn Hajar. (1996). *Fath al-bari syarh sahih al-buhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Ibn Kathir. (2003). *Tafsir ibnu katsir*. Indonesia: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2007). *Al-Turuq al-hukmiyyah fi al-siyasah al-syar'iyah*. Makkah: Dar 'Am al-Fawa'id.
- Ibnu Farhun, M. (1995). *Tabsirah al-hukkam fi usul al-uqdiyyah wa manahij al-ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Qudamah. (1996). *Al-Mughni*. Al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ibnu Taimiyyah. (1995). *Majmu' al-Fatawa'*. Medina: Majmu al-Malik Fahad Litiba'ah al.
- Ismail, M. (2006). Kedudukan bahan bukti (exhibit) elektronik dan digital dalam keterangan: masalah dan cabaran masa kini. *Insaf: The Journal of the Malaysian Bar*, 35(1), 1-14
- Jamal, J. (2011). Kebolehterimaan teknologi dalam undang-undang keterangan Islam di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*, 33(1), 1-12.
- Marqus, S. (1981). *Usul al-Ithbat wa Ijra'atuhu fi al-Mawad al-Madaniyyah fi al-Qanun al-Misri*. Al-Qaherah: 'Alam al-Kutub.
- Mohamad, A. M. (2019). Admissibility and authenticity of electronic evidence in the courts of Malaysia and United Kingdom. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 121-129.
- Mokhtar, M. F., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2020). Pembuktian melalui dokumen dalam kes-kes pengesahan hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia: Documents as evidence in hibah validation cases in Syariah Courts in Malaysia. In *International Seminar on Syariah and Law*, (pp. 194-206). Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia. <https://insla.usim.edu.my/index.php/e proceeding/article/view/44>
- Mokhtar, M. F., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2024). Pembuktian dokumen persendirian elektronik berdasarkan Akta 561 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (EKMS Perak 2004). *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 44-63.
- Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Attan* (2005) 4 SHLR 108.
- Mursilalaili Mustapa, S. (2020). *The position of electronic evidence under Islamic law and Malaysian law of evidence*. Gombak: International Islamic University Malaysia.
- Paul, A. (2010). *Evidence: Practice and procedure*. Selangor: LexisNexis Malaysia.
- Pendakwa Syarie lwn A Mohad A/L Sahab Bin Husin* (2013) 3 SHLR 33.
- Pendakwa Syarie lwn Zulkifli bin Othman* (2013) 4 SHLR 92.
- Rafie, M., & Ismail, S. M. (2018). Pemakaian prinsip undang-undang sivil dalam penghakiman kes di mahkamah syariah: Satu kajian kes. In *International Conference on Law & Islamic Jurisprudence, Langkawi UKM 2017* (pp. 1–21).
- Saepullah, U., & Hopipah, E. N. (2023). Domestic violence in the perspective of civil and Islamic criminal law. *Al-Adalah*, 20(2), 427-452.
- Saifuddin, S., Markom, R., & Muhamad, M. (2019). A Comparative study between the law of evidence used in the Syariah Court And the Civil Court in Malaysia in the context of methods of proof and Shariah law. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 1-34.
- Siti Fatimah bte Abd Karim lwn Majlis Agama Islam Melaka* (2007) 2 SHLR 136.
- SM Faisal SM Nasimuddin lwn Maria Chin Abdullah* (2023) 7 MLJ 485.

- Stoykova, R. (2021). Digital evidence: Unaddressed threats to fairness and the presumption of innocence. *Computer Law & Security Review*, 42, 1–20.
- Thong, G. (2022). “Peguam: Teknologi, pembaharuan boleh tambah baik proses mahkamah”. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/637343>
- Volonino, L. (2003). Electronic evidence and computer forensics. *Communications of the Association for Information Systems*, 12(1), 27.
- Walia, I, K., & Kumar, D. (2021). Need for revamping information technology laws in India. *Brawijaya Law Journal*, 8(2), 202–215. <https://doi.org/10.21776/ub.blj.2021.008.02.03>
- Wan Ismail, W. A. F. (2020). *Keterangan dokumentar menurut fiqh dan undang-undang keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Shukor, S., & Hashim, H., & Baharuddin, A. S. (2018). Pembuktian melalui televisyen/kamera litar tertutup (CCTV) dalam kes-kes jenayah: Tinjauan umum berdasarkan undang-undang keterangan Islam. *Malaysian Journal of Syariah and Law (MJSL)*. 474(6194), 1-18.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., & Alias, M. A. A. (2021). A systematic analysis on the admissibility of digital documents as evidence in Malaysian Syariah courts. *Pertanika Journal: Social Sciences & Humanities*, 29(3), 1981-1996.
- Yahya, A., Azam, A., & Hassan, A. (2017). Keterangan dokumen dalam bentuk digital di Mahkamah Syariah: Analisis berkaitan definisi serta kebolehterimaannya di sisi prinsip Syariah di Malaysia. *UKM Journal Article Repository*, 1, 1-12.
- Yahya, M. A., Mohd Shariff, A. A., & Khalid, N. N. (2024). *Proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik*. Bangi: Penerbit UKM.
- Yahya, M. A., Mohd Shariff, A. A., Mat Rashid, A., & Yusro Ashim, F. (2020). Pengemukaan dokumen elektronik sebagai keterangan dalam perbicaraan Mahkamah Syariah: Tendering of electronic documents as evidence in Syariah Court trials. *Jurnal Undang-Undang Masyarakat*, 27, 55-63.
- Zulhendra, J., Firdaus., & Wirman, H. P. (2023). The crown witness from the point of view of Islamic criminal law in truth discovery. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 8(1), 155-172.